

D499

R B162 DEB  
MUSA - MENTERI R'R'R'

PELABUHAN KLANG, 23 JAN (BERNAMA) -- JAWATAN DATUK MUSA HITAM SEBAGAI DUTA KHAS MALAYSIA KE BANGSA-BANGSA BERSATU ADALAH BERTARAF MENTERI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA DITANYA OLEH PEMBERITA SELEPAS MELANCARKAN SKIM LATIHAN BELIA KAPAL LAYAR DIRAJA TUNAS SAMUDERA DI PELABUHAN KLANG UTARA DI SINI.

KETIKA DITANYA OLEH PEMBERITA MENGAPA BELIAU MELANTIK BEKAS TIMBALANNYA ITU BAGI JAWATAN BERKENAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENJAWAB DENGAN BERTANYA BALIK: +KENAPA TIDAK?+

MENURUT BELIAU, TIDAK ADA SEBAB MENGAPA DATUK MUSA TIDAK BOLEH DILANTIK MEMEGANG JAWATAN ITU. -- BERNAMA.  
1213MST 23 01 89